



ESCALATE THE PASSION

CUKAI SYARIKAT

KEMASKINI PADA 26/02/2024

TAX EDUCATION DIVISION



CORPORATE SERVICES DEPARTMENT

MEDIA SOSIAL RASMI HASiL



MEDIA SOSIAL HASiL

 @hasil_malaysia

 @HASiL_Malaysia

 @hasil_malaysia

 @HASiLMalaysia

 @HASiL_Malaysia

www.hasil.gov.my 03-8911 1000 facebook.com/HASiLMalaysia [hasil_malaysia](https://instagram.com/hasil_malaysia) [@HASiL_Malaysia](https://twitter.com/HASiL_Malaysia) [@HASiL_Malaysia](https://x.com/HASiL_Malaysia) [@hasil_malaysia](https://tiktok.com/@hasil_malaysia)

JABATAN KHIDMAT KORPORAT | CORPORATE SERVICES DEPARTMENT



PORTAL RASMI :
www.hasil.gov.my

EduZone
Gerbang Pendidikan Percukaian Anda



KEMASKINI PADA 26/02/2024



MANFAAT CUKAI UNTUK KEMAKMURAN BERSAMA



PENDIDIKAN



KESIHATAN



KEBAJIKAN



INFRASTRUKTUR
& KEMUDAHAN AWAM



PERTANIAN &
INDUSTRI



PEMBANGUNAN



PERTAHANAN &
KESELAMATAN NEGARA



SUBSIDI

BR1M
Malaysia

BSHR
Bantuan Sara Hidup Rakyat

BPN

BKM

STR 2023

BANTUAN KHAS KERAJAAN


KEMASKINI PADA 26/02/2024

MyTax 2.0

MyTax



- Responsif dalam paparan aplikasi **Web & Mudah Alih**
- Paparan Moden berbentuk **Minimalis & Inovatif**
- Maklumat Info yang tepat dalam **Satu Pusat**
- **e-KYC Security**, Keselamatan Data Identiti
- **Hub Aplikasi Mudah Alih** untuk semua Aplikasi **LHDNM**
- Kemudahan semua akses dengan **Satu ID**
- **Peta lokasi** untuk mengetahui Pejabat **LHDNM** yang terdekat



KEMASKINI PADA 26/02/2024

MyTax 2.0

Hub aplikasi mudah alih untuk semua aplikasi LHDNM



KEMASKINI PADA 26/02/2024

KELEBIHAN E-FILING

Jaminan
keselamatan data

Capaian pada bila
masa sahaja

Mempercepatkan
proses bayaran
balik

Lebih mudah dan
cepat diurus

Pengesahan
penerimaan
Borang Nyata

Pengiraan cukai
tepat

Tiada kehilangan
borang

KEMASKINI PADA 26/02/2024

BAYARAN CUKAI



BAYAR MENGGUNAKAN APLIKASI ELEKTRONIK DI <https://byrhasil.gov.my>

The screenshot displays the ByrHASiL website for tax payments. At the top, it features the LHDN logo and the text 'ByrHASiL - Bayaran Cukai Pendapatan' and 'Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia'. Navigation links include 'Utama', 'Pengenalan', 'Bantuan', and 'Hubungi'. A date indicator shows 'Rabu, 18 Jan, 2023' and a language selector for 'English'. Three main payment options are highlighted: 'Bayaran FPX Menggunakan No. Pengenalan Cukai', 'Bayaran FPX Menggunakan Nombor Bil', and 'Bayaran Duti Setem STAMPS'. Below these, an 'INFORMASI' section provides details on paying via FPX, including contact information for Cawangan LHDNM and a link for further questions.

ByrHASiL - Bayaran Cukai Pendapatan
Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia

Bersama Membangun Negara

Rabu, 18 Jan, 2023 English

Bayaran FPX Menggunakan No. Pengenalan Cukai
FPX
Pay with Online Banking

Bayaran FPX Menggunakan Nombor Bil
FPX
Pay with Online Banking

Bayaran Duti Setem
STAMPS
STAMPS ASSESSMENT AND PAYMENT SYSTEM

INFORMASI

Bayaran Cukai Melalui FPX
Perkhidmatan ini menggunakan FPX sebagai gateway untuk pembayaran cukai. Pengguna perlu mempunyai akaun perbankan internet dengan mana-mana bank yang menyertai FPX. Sila klik pautan berikut bagi senarai bank yang terlibat: <https://www.paynet.my/fpx/banks-tpa.html>

Sebarang pertanyaan, sila hubungi Cawangan LHDNM berdekatan atau Hasil Care Line kami,
Telefon : 03-8911 1000 / 603-8911 1100 (Luar Negara);
HASiL Live Chat;
Waktu Operasi : Isnin hingga Jumaat (9.00 am hingga 5.00 pm)
Pertanyaan lanjut : <https://maklumbalaspelanggan.hasil.gov.my>

**BERSESAK DI KAUNTER?
TAK PERLU LAGI...
JOM ByrHASiL**
(GERBANG PEMBAYARAN DALAM TALIAN)
<https://byrhasil.hasil.gov.my>
CEPAT.MUDAH.TAK KIRA TEMPAT DAN WAKTU

KLIK DISINI



KEMASKINI PADA 26/02/2024

JENIS BORANG NYATA YANG BOLEH DI HANTAR MELALUI E-FILING

e-BE	Individu Pemastautin yang TIDAK menjalankan perniagaan.
e-B	Individu Pemastautin yang menjalankan perniagaan
e-M	Individu Bukan Pemastautin
e-BT	Individu Pemastautin (Pekerja berpengetahuan/berkepakaran)
e-MT	Individu Bukan Pemastautin (Pekerja berpengetahuan)
e-E	Penyata Majikan
e-P	Borang Nyata Perkongsian
e-TF	Borang Nyata Pertubuhan
e-TP	Borang Nyata Pusaka
e-C	Borang Nyata Syarikat
e-C1	Borang Nyata Koperasi

KEMASKINI PADA 26/02/2024

CUKAI SYARIKAT

Cukai syarikat dikenakan atas syarikat bermastautin (sendirian berhad dan berhad) yang memperolehi pendapatan:

- Di Malaysia
- Dari luar Malaysia bagi syarikat insurans, pengangkutan laut / udara dan perbankan

ORANG YANG BERTANGGUNGJAWAB

- Pengarah-pengarah syarikat
- Setiausaha syarikat
- Pengurus atau pegawai **utama**
- Sesiapa sahaja yang **menjalankan** mana-mana fungsi di atas

KEMASKINI PADA 26/02/2024

TANGGUNGJAWAB SYARIKAT

- Pastikan kod perniagaan diisi dengan betul dalam Borang Nyata Cukai Pendapatan (BNCP). Panduan kod perniagaan boleh diperolehi di www.hasil.gov.my.
- Simpan rekod dan buku selama 7 tahun bagi tujuan semakan LHDNM.
- Borang Nyata (BN) perlu dihantar walaupun akaun mengalami kerugian. Syarikat dorman tidak perlu hantar CP204, tetapi perlu hantar Borang e-C setiap tahun.
- Tatacara pindaan borang C boleh dirujuk dalam Garis Panduan Operasi Bil. 1 Tahun 2020 (Prosedur Pengemukaan Borang Nyata Terpinda)

KEMASKINI MAKLUMAT SYARIKAT

Maklumat yang perlu dikemaskini sekiranya terdapat sebarang perubahan adalah:

- Alamat surat menyurat / alamat premis perniagaan
- Nombor telefon untuk dihubungi
- Pertukaran nama syarikat
- Maklumat ejen cukai (jika berkenaan)

KEMASKINI PADA 26/02/2024

PENDAPATAN KASAR SYARIKAT

Seksyen 22 menetapkan pendapatan kasar bagi tempoh asas adalah termasuk semua pendapatan yang boleh diterima untuk suatu punca bagi tempoh tersebut. Pendapatan kasar perniagaan syarikat di bawah subseksyen 22(2) merangkumi :

- Jualan (Sales) - Barangan atau Jualan tunai atau kredit, pulihan hutang lapuk
- Perolehan insurans, tanggung rugi, rekupman, ganti rugi
- Ganjaran/pampasan atas kehilangan pendapatan dari punca pendapatan
- Pendapatan faedah (Hanya sektor Bank)

SEKSYEN 22

SEKSYEN 24

Seksyen 24 memperuntukkan penerimaan berkaitan aktiviti perniagaan yang boleh dikait dengan suatu tempoh asas: Antaranya ialah

- Hutang yang terbit daripada stok dagangan atau perkhidmatan
- Ambilan Stok Dagangan (Withdrawal Of Stock)
- Pendapatan terbit daripada Stok dagangan berupa stok, syer, debenture, gadai janji atau bentuk pelaburan lain
- Peruntukan khusus berhubung pinjaman dan pendahuluan kepada Pengarah (sek 140B)
- Pendapatan Eksport

KEMASKINI PADA 26/02/2024

TARIKH PENGEMUKAAN DAN BAYARAN



TARIKH PENGEMUKAAN DAN BAYARAN			
Perkara	Syarikat Baharu	Syarikat Sedia Ada	Borang
ANGGARAN CUKAI			
Hantar Anggaran	Dalam masa 3 bulan pertama operasi	30 hari sebelum mula tempoh asas	CP204
Mula Bayar Ansuran	Bulan ke-6 tempoh asas	Bulan ke-2 tempoh asas	CP207
Tarikh Bayaran Ansuran	Sebelum / pada 15 haribulan		CP207
Pindaan Anggaran	Bulan ke-6 atau ke-9 tempoh asas		CP207A
Tukar Tarikh Tutup Akaun	Bulan ke-6 tempoh asas		CP204B

CUKAI SEBENAR			
Hantar Borang Cukai	7 bulan selepas tarikh penutupan tempoh perakaunan		e-C (secara atas talian)
Tarikh bayar baki cukai (jika ada)	Sebelum / pada hari terakhir penghantaran Borang e-C		CP207

KEMASKINI PADA 26/02/2024

PENDAPATAN LARASAN SYARIKAT

Merupakan hasil dari Keuntungan/(Kerugian) Bersih seperti yg tercatat didalam Penyata Kewangan Syarikat yg telah dilaraskan. Pelarasan terhadap Pendapatan Kasar adalah melalui peraturan-peraturan yang telah ditetapkan oleh Akta. Didalam bahagian ini terdapat 2 pekara yg penting iaitu:

1. Perbelanjaan Dibenarkan (Allowable Expenses): Merupakan perbelanjaan yang dibenarkan ditolak dari Pendapatan Kasar. Oleh yang demikian keuntungan atau rugi sesuatu tempoh tidak akan dilaraskan atau ditambah semula ke dalam Pendapatan. Dalam erti kata lain Pendapatan Larasan adalah sama seperti yang tertera di Penyata Kewangan sekiranya ia tidak berubah kerana kesemua perbelanjaan adalah dibenarkan. Perbelanjaan Dibenarkan (Allowable Expenses) secara prinsipnya perlulah mempunyai sifat-sifat yang termaktub didalam Seksyen 33 iaitu :

- a) Outgoing or expenses
- b) Wholly and exclusively
- c) Incurred
- d) In the production of gross income

2. Perbelanjaan Tidak Dibenarkan (Unallowable Expenses): Merupakan perbelanjaan yang tidak dibenarkan ditolak ataupun dihadkan amaunnya didalam Pendapatan Kasar bagi menghasilkan cukai yg perlu dibayar. Perbelanjaan yang tidak dibenarkan atau dihadkan ini adalah seperti yang telah termaktub di dalam Akta Cukai

KEMASKINI PADA 26/02/2024

PERBELANJAAN YANG DIBENARKAN SUBSEKSYEN 33 (1) ACP 1967

Mengikut subseksyen 33(1), pendapatan larasan daripada suatu punca bagi tempoh asas untuk suatu tahun taksiran adalah satu amaun yang ditentukan dengan menolak daripada pendapatan kasar punca tersebut semua belanja pasti dan perbelanjaan yang kesemuanya dan semata-mata dilakukan dalam menghasilkan pendapatan kasar punca itu.

" ... the adjusted income of a person from a source for the basis period for a year of assessment shall be an amount ascertained by deducting from the gross income of that person from that source for that period all outgoings and expenses wholly and exclusively incurred during that period by that person in the production of gross income from that source ..."

- Upah/gaji pekerja
Wages and salaries for staff
- Caruman KWSP pekerja
EPF contribution for employees
- Sewa premis perniagaan
Rental paid on business premises
- Faedah atas pinjaman/overdraf bagi tujuan perniagaan
Interest paid towards bank loans/overdrafts used for business purposes
- Pembaikan-premis/kenderaan
Repairs on business premises/motor vehicles
- Insurans-kebakaran/kecurian
Insurance-fire/burglary
- Pengangkutan
Transportation
- Pembelian peralatan bagi keperluan pekerja yang hilang upaya
Purchase of equipment necessary to assist disabled employees
- Perbelanjaan lain yang bertujuan menghasilkan pendapatan perniagaan
Other expenses incurred in the production of business income.

KEMASKINI PADA 26/02/2024

PERBELANJAAN TIDAK DIBENARKAN SUBSEKSYEN 39 ACP 1967

Subseksyen 39 (1) memperuntukkan perbelanjaan yang tidak boleh dibenarkan sebagai potongan daripada pendapatan kasar mana-mana punca dalam menentukan pendapatan larasan bagi punca tersebut bagi mana-mana orang bagi suatu tahun taksiran. Petikan subseksyen berkenaan adalah seperti berikut:

“Subject to any express provision of this ACT, in ascertaining the adjusted income of any person from any source for the basis period for a year of assessment no deduction from the gross income from that source for that period shall be allowed in respect of –”

PERBELANJAAN TIDAK DIBENARKAN SUBSEKSYEN 39 ACP 1967

1. Perbelanjaan Modal Yg Dipindahkan/Dimasukkan Ke Dalam Penyata Untung

Rugi :

- a) Kos perbelanjaan penubuhan Syarikat Sdn. Bhd. yg mempunyai Modal Dibenarkan melebihi RM2,500,000
- b) Kos perbelanjaan melibatkan perubahan dalam Modal Dibenarkan dan Diterbitkan
- c) Kos perbelanjaan yg melibatkan pemerolehan atau pelupusan harta termasuk saham dan stok. Ini juga termasuk yuran profesional
- d) Belanja Ubah-suai (Renovation) dan Penambahbaikkan (Improvement)

KEMASKINI PADA 26/02/2024

PERBELANJAAN TIDAK DIBENARKAN SUBSEKSYEN 39 ACP 1967

2. Perbelanjaan Yang Tak Terlibat Dalam Penghasilan Pendapatan :

- a) Ganjaran (termasuk sumbangan EPF) dan pelbagai kemudahan kepada Pemilik Tunggal atau juga Rakan Kongsi
- b) Perbelanjaan perseorangan dan domestik seperti kos pengangkutan dalam dan luar negeri, kos penjagaan kereta persendirian dsb.
- c) Kos perbelanjaan yg melibatkan upah penjagaan Daftar Pemegang Saham dan penerbitan dividen
- d) Kos perbelanjaan asas terhadap pengedaran Laporan Tahunan kepada Pemegang Saham untuk Mesyuarat Tahunan (AGM) dan juga Mesyuarat Luar Biasa (EGM)
- e) Kos perbelanjaan Pasaran Saham (Stock Exchange) Peruntukkan Hutang Ragu, Peruntukkan Stok Rosak, Peruntukkan Kemudahan Pencen dsb
- f) Kos undang-undang (Legal fee) samada Perbelanjaan Modal atau Persendirian
- g) Perbelanjaan Pelbagai atau Perbelanjaan Am samada perbelanjaan modal atau persendirian
- h) Derma dan sumbangan melainkan tempat yang telah diluluskan oleh LHDN
- i) Hutang lapuk
- j) Untung atau Rugi terhadap pelupusan sesuatu aset

KEMASKINI PADA 26/02/2024

PERBELANJAAN TIDAK DIBENARKAN SUBSEKSYEN 39 ACP 1967

Belanja yang dilakukan bagi tujuan persendirian, pembelian aset peribadi serta belanja permulaan adalah tidak dibenarkan dan perlu ditambah balik dalam pengiraan pendapatan larasan.

Antaranya:

- ❖ Gaji, elaun, bonus, KWSP sendiri
- ❖ Hadiah – hadiah kepada pembekal dan pelanggan (50%) - kecuali untuk pekerja sendiri,
- ❖ Derma – termasuk derma kepada institusi yang diluluskan di bawah subseksyen 44(6)
- ❖ Penalti/kompaun/denda – kesalahan melanggar undang-undang
- ❖ Peruntukan hutang lapuk – am
- ❖ Belanja permulaan/penutupan perniagaan
- ❖ Perbelanjaan modal – pembelian aset
- ❖ Susut Nilai
- ❖ Sekatan KWSP – caruman yang melebihi 19% daripada saraan pekerja
- ❖ Hapus kira aset – yang tidak boleh digunakan dalam perniagaan

KEMASKINI PADA 26/02/2024

POTONGAN DUA KALI

Belanja tertentu yang diberikan potongan dua kali terhadap belanja yang telah dituntut dalam pengiraan untung bersih.

Antaranya:

- ❖ Penggajian bagi pekerja kurang upaya
- ❖ Perbelanjaan atas usaha mendapatkan pensijilan daripada system kualiti dan standard, dan HALAL
- ❖ Perbelanjaan gaji pekerja yang diberhentikan dan digaji semula oleh majikan baru secara sepenuh masa.
- ❖ Kos latihan pekerja
- ❖ Perbelanjaan penyelidikan (Tidak berkaitan dengan perniagaan) yang diluluskan
- ❖ Sumbangan kepada institusi penyelidikan yang diluluskan atau bayaran bagi kegunaan perkhidmatan institusi/syarikat penyelidikan yang diluluskan

KEMASKINI PADA 26/02/2024

PERBELANJAAN KHUSUS DIBENARKAN SUBSEKSYEN 34(6) ACP 1967

Di antara perbelanjaan khusus yang dibenarkan sebagai tolakan ialah :

- Perbelanjaan majikan atas peralatan untuk membantu pekerja kurang upaya (OKU)
- Perbelanjaan bagi penerbitan dalam Bahasa Kebangsaan
- Sumbangan kepada perpustakaan
- Perbelanjaan mengadakan perkhidmatan, kemudahan awam dan sumbangan kepada Badan Amal atau Projek Awam
- Perbelanjaan majikan bagi penyediaan dan penyelenggaraan Pusat Asuhan Kanak-Kanak untuk manfaat pekerja
- Perbelanjaan majikan bagi penyediaan kumpulan muzik atau kebudayaan
- Perbelanjaan menaja aktiviti kesenian dan kebudayaan

KEMASKINI PADA 26/02/2024

ELAUN MODAL

Dalam menentukan pendapatan larasan untuk perniagaan, bagi sesuatu tahun asas, tiada perbelanjaan yang dibenarkan bagi modal dan juga susutnilai aset yang digunakan dalam menghasilkan pendapatan perniagaan (Seksyen 39). Walau bagaimanapun, Jadual 3 Akta Cukai Pendapatan 1967 telah menyenaraikan beberapa perbelanjaan dalam bentuk elaun untuk perbelanjaan modal yang telah dilakukan.

Elaun Modal hanya diberikan ke atas aktiviti yang berkaitan dengan perniagaan sahaja. Orang yang boleh menuntut Elaun Modal ialah orang yang membeli aset atau pun pemilik aset tersebut. Contoh aset-aset yang digunakan dalam perniagaan adalah seperti kenderaan bermotor, mesin, peralatan pejabat, perabot dan lain-lain.

Tuntutan ke atas Elaun Modal boleh dibuat dalam BNCP.

KEMASKINI PADA 26/02/2024

Diberi tolakan daripada pendapatan perniagaan sebagai ganti kepada perbelanjaan susutnilai bagi pembelian aset yang digunakan dalam perniagaan

Syarat bagi kelayakan tuntutan elaun modal:

- Menjalankan perniagaan
- Membeli aset perniagaan
- Aset digunakan dalam perniagaan; dan
- Tuan punya aset tersebut

Kadar elaun adalah bergantung kepada jenis aset tetap yang digunakan

JENIS ASET	ELAUN PERMULAAN (%)	ELAUN TAHUNAN (%)
Jentera berat/ kenderaan bermotor	20	20
Loji dan jentera	20	14
Peralatan pejabat, perabot dan lekapan	20	10
Lain-lain	20	10

KEMASKINI PADA 26/02/2024

ELAUN MODAL

Jentera berat - *Bulldozers, cranes, ditchers, excavators, graders, loaders, rippers, rollers, rooters, scrappers, shovels, tractors, vibrator wagons* dll.

Kenderaan bermotor – Semua jenis kenderaan bermotor seperti motosikal, kapal terbang, kapal laut , lori, kereta dll.

Loji dan jentera – Loji dan jentera am yang tidak termasuk di bawah jentera berat seperti penghawa dingin, *compressors, lifts*, makmal dan peralatan perubatan, oven dll.

Lain-lain peralatan – Peralatan pejabat, perabot dan lekapan.

PENDAPATAN BERKANUN SYARIKAT

Merupakan pendapatan yang terhasil dari Pendapatan Larasan. Keuntungan/(Kerugian) Bersih tadi seperti didalam penyata kewangan akan dilaraskan supaya menjadi Pendapatan Larasan dan ditolak Elaun Modal dan akhir menjadi Pendapatan Berkanun (Statutory Income).

PENDAPATAN AGREGAT SYARIKAT

Sekiranya terdapat pelbagai perniagaan di dalam satu Syarikat, kesemua Pendapatan Berkanun itu tadi dicampurkan menjadi Pendapatan Berkanun Agregat (Aggregate of Statutory Business Income). Ianya kemudian akan dilaraskan sekiranya terdapat perkara-perkara yang melibatkan Pendapatan Agregat ini. Antaranya :

- a) Kerugian perniagaan tahun semasa
- b) Perbelanjaan projek pertanian yg diluluskan
- c) Derma dan sumbangan yg diluluskan.

KEMASKINI PADA 26/02/2024

Setelah kesemua pelarasan-pelarasan telah dibuat maka akan terhasillah Pendapatan Dikenakan Cukai (Chargeable Income). Cukai Syarikat akan dikirakan diperingkat ini. Kadar cukai Syarikat adalah 17% atau 24% yang mana kadar ini bergantung kepada syarat-syarat yg telah ditetapkan oleh LHDN.

Pengiraan cukai Syarikat bermula dari Penyata Untung Rugi Syarikat. Hasil yang diperolehi di Penyata Kewangan tersebut (samada untung atau rugi) akan kemudiannya dilaraskan semula seperti yg telah ditetapkan oleh Akta Cukai Pendapatan 1967 bagi menghasilkan Pendapatan Bercukai (Chargeable Income). Apabila Pendapatan Bercukai ini telah ditentukan maka barulah kadar cukai akan dikenakan kepada sesuatu Syarikat bagi menentukan jumlah cukai yg perlu dibayar.

KADAR CUKAI SYARIKAT



JENIS SYARIKAT	2009-2015	2016	2017-2018	2019	2020-2022
Modal berbayar sehingga 2.5 juta pada awal tempoh asas:					
*Pendapatan bercukai 500,000 pertama	20%	19%	18%	18%	
*Pendapatan bercukai 600,000 pertama					17%
Pendapatan bercukai melebihi 500,000	25%	24%	24%	24%	
Pendapatan bercukai melebihi 600,000					24%
Modal berbayar melebihi 2.5 juta pada awal tempoh asas:	25%	24%	24%	24%	24%

KEMASKINI PADA 26/02/2024

KADAR CUKAI SYARIKAT

Tahun Taksiran 2023	Peratus
<ul style="list-style-type: none">Syarikat dengan modal berbayar tidak melebihi RM2.5 juta dan pendapatan kasar perniagaan tidak melebihi RM50 juta	
<ul style="list-style-type: none"><ul style="list-style-type: none">RM150,000 yang pertama	15%
<ul style="list-style-type: none"><ul style="list-style-type: none">RM150,001 hingga RM600,000	17%
<ul style="list-style-type: none"><ul style="list-style-type: none">RM600,001 dan seterusnya	24%
<ul style="list-style-type: none">Syarikat selain kategori di atas	24%

KEMASKINI PADA 26/02/2024

PENYIMPANAN REKOD

Kewajipan Menyimpan Rekod dan Resit

Seorang individu yang menjalankan perniagaan sebagai pemilik tunggal atau perkongsian dikehendaki menyimpan dengan selamat rekod yang mencukupi bagi membolehkan pendapatan atau kerugian daripada perniagaan itu ditentukan dengan mudah untuk tempoh asas bagi mana-mana tahun taksiran

Kenapa Perlu Anda Menyimpan Rekod ?

- Memudahkan penyediaan akaun perniagaan
- Memantau perkembangan perniagaan
- Memudahkan mengisi Borang Nyata Cukai Pendapatan
- Dokumen sokongan dalam urusan lain
- Semakan / audit jika dilawati oleh pasukan audit LHDNM

KEMASKINI PADA 26/02/2024

PENYIMPANAN REKOD

Pembayar cukai yang menjalankan perniagaan adalah dikehendaki:-

1. Menyimpan rekod-rekod yang betul serta dokumen-dokumen yang berkaitan perniagaan.
 2. Menyimpan rekod-rekod dan buku buku akaun berkaitan perniagaan, antaranya:
 - i. Resit-resit,
 - ii. Invois,
 - iii. Bil-bil,
 - iv. Penyata Bank,
 - v. Cheque Butt,
 - vi. Senarai dan rekod stok, dan
 - vii. Baucer Dividen (jika berkenaan)
- Semua dokumen dan rekod hendaklah **disimpan selama tujuh tahun.**

KEMASKINI PADA 26/02/2024

PENYIMPANAN REKOD

Dokumen Sokongan Perlu Disimpan

- Rekod penerimaan/pendapatan dan pembayaran perbelanjaan perniagaan
- Dokumen asal untuk menyokong kemasukan data dalam rekod perakaunan
- Rekod aset dan tanggungan perniagaan (liabiliti)
- Lain-lain dokumen

(makluman penting: semua transaksi perniagaan yang tiada dokumen juga perlu dicatatkan dan direkodkan – contoh : ambilan tunai/stok)

PENYIMPANAN REKOD

Bagaimana Menyimpan Rekod
Perniagaan?



- Secara Manual
- Secara Elektronik

KEMASKINI PADA 26/02/2024

PENYIMPANAN REKOD

Menyimpan Rekod Secara Manual

- Transaksi direkodkan menggunakan buku rekod fizikal (jurnal, lejer dan buku tunai) dan disokong dengan dokumen asal
- Rekod/dokumen disusun teratur bagi memudahkan dibuat rujukan dan semakan silang (cross reference)
- Failkan rekod perniagaan mengikut susunan kronologi (jualan/belian/belanja, tarikh transaksi, pemiutang/penghutang)

KEMASKINI PADA 26/02/2024

PENYIMPANAN REKOD

Menyimpan Rekod Secara Elektronik

- Jika komputer digunakan bagi merekod transaksi, dokumen sumber asal seperti invois dan resit hendaklah disimpan dalam bentuk asal
- Jika dokumen asal adalah dalam bentuk elektronik, ianya boleh disimpan sedemikian
- Rekod yang disimpan hendaklah dalam bentuk yang boleh dibaca secara mudah diakses dan ditukar kepada berbentuk bertulis

KEMASKINI PADA 26/02/2024

PENYIMPANAN REKOD

Tempoh Menyimpan Rekod

- Pembayar cukai tidak perlu menghantar dokumen / rekod bersama BNCP, sebaliknya dokumen ini hendaklah disimpan selama **7 tahun**
 - Pengiraan tempoh tujuh tahun adalah bermula daripada akhir tahun dalam mana BNCP tersebut telah dikemukakan
- Rekod hendaklah ditulis dalam Bahasa Malaysia atau Bahasa Inggeris
 - Jika rekod selain daripada Bahasa Malaysia atau Bahasa Inggeris, terjemahan secara bertulis hendaklah disediakan

KEMASKINI PADA 26/02/2024

PENYIMPANAN REKOD

Tempat Menyimpan Rekod

- Rekod berkaitan dengan sebarang perniagaan di Malaysia mesti disimpan di premis perniagaan pemilik tunggal atau perkongsian di Malaysia
- Jika rekod disimpan di luar Malaysia, rekod hendaklah dibawa ke premis perniagaan di Malaysia, apabila diminta oleh Ketua Pengarah Hasil Dalam Negeri

Kegagalan Menyimpan Rekod

- Kegagalan menyimpan dokumen akan mengakibatkan pembayar cukai menghadapi risiko tuntutan yang tidak akan dibenarkan dan penalti akan dikenakan kerana memfail BNCP yang tidak betul (Seksyen 82A, ACP 1967)
- Pembayar cukai boleh didakwa dan jika sabit kesalahan, boleh dikenakan denda **RM300 dan tidak lebih RM10,000** atau dipenjara tidak melebihi 12 bulan atau kedua - duanya

KEMASKINI PADA 26/02/2024



ESCALATE THE PASSION

**INGIN KELUAR NEGARA??
PASTIKAN
ANDA
MEMBUAT
SEMAKAN
<http://sspi.imi.gov.my>**

KEMASKINI PADA 26/02/2024



JIKA MENGHADAPI MASALAH E-FILING




HUBUNGI TALIAN UTAMA

03- 8911 1000 (HASIL CONTACT CENTRE)

HADIR KE PEJABAT LHDNM BERHAMPIRAN

KEMASKINI PADA 26/02/2024

LOKASI LHDNM



KEMASKINI PADA 26/02/2024



JANGAN JADI **MANGSA** SINDIKET PENIPUAN

***JANGAN DEDAHKAN
MAKLUMAT
PERCUKAIAN ANDA***

WASPADA **SCAMMERS** DENGAN

BERHATI-HATI DAN JANGAN TERPEDAYA

- LHDNM **TIDAK** MEMBUAT PANGGILAN MELALUI TELEFON BIMBIT
- LHDNM **TIDAK** AKAN MENYAMBUNGAN PANGGILAN KE AGENSI LAIN SEPERTI PDRM, MAHKAMAH DAN LAIN-LAIN
- LHDNM **TIDAK** MEMBERI **NO. AKAUN** UNTUK BAYARAN ATAU MEMINTA **NO. AKAUN** UNTUK BAYARAN BALIK



www.hasil.gov.my



facebook.com/LHDNM



[@LHDNMofficial](https://twitter.com/LHDNMofficial)



03-8911 1000

JABATAN KHIDMAT KORPORAT | CORPORATE SERVICES DEPARTMENT

KEMASKINI PADA 26/02/2024

TERIMA KASIH



03-8911 1000

Hasil Contact Centre



MyTax **Gerbang Informasi Percukaian**

Web Responsif & Aplikasi Mobile Single Sign-On Untuk Semua Perkhidmatan Dashboard Ringkas & Padat

Pusat Untuk Semua e-Perkhidmatan LHDNM



Download on the App Store
GET IT ON Google Play
EXPLORE IT ON AppGallery

KEMASKINI PADA 26/02/2024